

Teliti ucapan PM dari

Oleh **ABDUL HAMID MOHAMMAD**

KUALA LUMPUR 11 Feb. — Umat Islam disaran meneliti ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) di New York daripada perspektif yang luas, agar tidak terpengaruh dengan tuduhan pihak tertentu kononnya Perdana Menteri menghina ulama.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah berkata, ucapan Perda-

na Menteri pada minggu lalu itu tidak boleh dilihat dari sudut pandangan yang sempit atau daripada sepotong dua ayat-ayatnya sahaja.

“Tuduhan pihak tertentu kononnya Dr. Mahathir menghina ulama (ketika berucap pada forum itu) adalah tidak berasas dan keterlaluan,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Menurutnya, ucapan Perdana Menteri di hadapan majoriti bukan Islam pada forum itu yang banyak berkisar tentang peranan

sebenar Islam adalah satu mercu tanda yang amat berani dan bijaksana serta signifikan dalam meletakkan Islam di tempat yang lebih tinggi.

Saifuddin berkata, Dr. Mahathir tidak pernah mengecilkan peranan ulama dan jauh sekali menghina mereka ketika berucap pada majlis itu atau pada bila-bila masa sebelum itu.

Menurut beliau, Perdana Menteri hanya mengkritik ulama politik yang memperalatkan agama untuk kepentingan mereka.

perspektif luas

“Memang terdapat sebahagian kecil ucapan beliau yang mengkritik ulama, tetapi yang dikritiknya ialah ulama politik sahaja, bukannya semua ulama.

“Kritikan terhadap sesetengah ulama bukanlah perkara baru, bahkan sejak dahulu lagi terdapat sesetengah ulama digelar ulama jahat,” katanya.

Saifuddin berkata, langkah Perdana Menteri berterus terang tentang negara Islam di depan khalayak majoriti bukan Islam bukan sahaja berani, tetapi bijaksana.

Lebih penting lagi, kata beliau, ucapan Dr. Mahathir itu dibuat selepas peristiwa serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York pada 11 September lalu.

“Dr. Mahathir dengan berani bangun menerangkan makna Negara Islam yang sebenarnya ketika sebahagian umat dan negara Islam di dunia tertekan akibat dasar Amerika Syarikat yang tidak adil dalam usaha memerangi ancaman pengganas,” katanya.